

KENYATAAN SEBUTHARGA



TARIKH IKLAN : 07 MEI 2026



JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **220801** serta berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan untuk melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:

BIL	NO. SEBUTHARGA DAN TAJUK PROJEK	LAWATAN TAPAK / TEMPAT BERKUMPUL	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH SEBUTHARGA DITUTUP / MASA
1.	PHDKK.01/2026 Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Api di : i. Kompleks Latihan Perhutanan Sungai Siput (U), Perak. Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar, 33000 Kuala Kangsar, Perak	Tarikh: 14 Mei 2026 (Khamis) Tempat: Dewan Kompleks Latihan Sungai Siput (U), Perak Pendaftaran: 9.00pagi – 10.00pagi Taklimat : 10.00 pagi	Tarikh : 14 Mei 2026 (Khamis) Tempat : Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar, Perak	Tarikh : 20 Mei 2026 (Rabu) Masa : 12.00 tengahari Tempat : Bilik Tender, Aras G Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Negeri Perak

1. Kontraktor yang berkelayakan untuk menyertai sebut harga ini mesti mengemukakan salinan dokumen-dokumen seperti berikut :-

- Sijil pendaftaran yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) ; dan
- Pendaftaran yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (KKM).
- Pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak yang masih sah tempoh
- Mengemukakan salinan penyata kewangan 3 bulan terkini (Januari 2026, Februari 2026 dan Mac 2026)
- Sijil Pematuhan Cukai (TCC)

2. Dokumen Sebut harga boleh dibeli mulai **14 Mei 2026 (Khamis)** pada waktu pejabat di Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar, 33000 Kuala Kangsar, Perak.
3. Dokumen Sebut harga akan dijual dengan harga **RM 20.00 senaskhah** dan Borang Pendaftaran Kontraktor akan dijual dengan harga **RM 50.00** kepada kontraktor-kontraktor atau penama-penama yang sah sahaja. Semua bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Kad Debit** atau **Kad Kredit** atas nama "**BENDAHARI NEGERI PERAK**". Bayaran secara **Wang Tunai tidak akan diterima**. Semasa pembelian dokumen Sebut harga, penama juga **DIWAJIBKAN** untuk mengemukakan bersama Salinan Pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak bagi tahun semasa.
4. Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri yang ditulis di penjuru kanan Sampul Surat No. Sebutharga dan dialamatkan seperti di bawah dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga yang disediakan di **Bilik Tender, Aras G, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan** sebelum atau pada **21 Mei 2026 (Khamis)** pada jam 12.00 tengahari.

**PENGARAH
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK
PERSIARAN MERU UTAMA
BANDAR MERU RAYA
30020 IPOH
PERAK DARUL RIDZUAN**

5. Pemilihan kontraktor yang berjaya adalah berdasarkan analisa sistem 'cut-off'. Oleh yang demikian, kerajaan tidak terikat untuk menerima sebutharga terendah atau sebarang sebutharga.



MOHD FAUZAN BIN MISRON
Pegawai Hutan Daerah
Kuala Kangsar